

PELEPASAN CUKAI

Pasangan bekerja disaran pilih taksiran berasingan

Kuala Lumpur: Pelepasan cukai melibatkan anak antara yang sering dan mudah dituntut oleh pembayar cukai, sekali gus dapat memberi kesan besar dalam langkah penjimatan cukai.

Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Selangor Ili Diyana Abd Hadi berkata, hal ini kerana ibu bapa mempunyai dokumen sokongan anak iaitu sijil kelahiran atau sijil akuan anak angkat bagi

membolehkan mereka menikmati potongan yang disediakan untuk pelepasan cukai.

Beliau berkata, terdapat empat jenis pelepasan berkaitan anak yang diperuntukan iaitu anak berumur 18 tahun ke bawah dengan potongan RM2,000 bagi setiap anak, manakala anak yang berumur 18 tahun ke atas dan belajar peringkat tinggi iaitu diploma dan ke atas di dalam Malaysia serta peringkat ijazah dan

ke atas untuk yang belajar di luar negara, mendapat pelepasan RM8,000.

Bagi anak kurang upaya pula katanya, sebanyak RM6,000 diberikan selain pelepasan tambahan RM8,000 untuk anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas yang menyambung pelajaran pada peringkat lebih tinggi.

“Dalam borang ada kolum 100 peratus dan 50 peratus, apa bezanya? Untuk 100 peratus adalah bagi pasangan yang berkah-

win dan boleh dituntut oleh suami atau isteri bagi seorang anak dan tidak boleh tuntutan untuk anak yang sama.

“Ruang 50 peratus pula adalah bagi pasangan yang telah bercerai dan boleh tuntutan atas anak yang sama,” katanya dalam temu bual Bernama Radio yang membincangkan Cara Maksimumkan Penjimatan Cukai, semalam.

Selain itu, Ili Diyana berkata, pasangan yang bekerja juga disarankan me-

milih taksiran secara berasingan bagi membolehkan masing-masing mendapat pelepasan diri RM9,000 seorang.

Pembayar cukai yang mencarum Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) melibatkan mana-mana produk SSPN Prime dan SSPN Plus juga layak membuat tuntutan berdasarkan jenis taksiran yang dipilih sama ada taksiran berasingan atau taksiran bersama, katanya.

- Bernama

[Pasangan bekerja disaran pilih taksiran berasingan](#)

Kuala Lumpur: Pelepasan cukai melibatkan anak antara yang sering dan mudah dituntut oleh pembayar cukai, sekali gus dapat memberi kesan besar dalam langkah penjimatan cukai. Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Selangor Ili Diyana Abd Hadi berkata, hal ini kerana ibu bapa mempunyai dokumen sokongan anak iaitu sijil kelahiran atau sijil akuan anak angkat bagi membolehkan mereka menikmati potongan yang disediakan untuk pelepasan cukai. Beliau berkata, terdapat empat jenis pelepasan berkaitan anak yang diperuntukan iaitu anak berumur 18 tahun ke bawah dengan potongan RM2,000 bagi setiap anak, manakala anak yang berumur 18 tahun ke atas dan belajar peringkat tinggi iaitu diploma dan ke atas di dalam Malaysia serta peringkat ijazah dan ke atas untuk yang belajar di luar negara, mendapat pelepasan RM8,000. Bagi anak kurang upaya pula katanya, sebanyak RM6,000 diberikan selain pelepasan tambahan RM8,000 untuk anak kurang upaya berumur 18 tahun dan ke atas yang menyambung pelajaran pada peringkat lebih tinggi. “Dalam borang ada kolum 100 peratus dan 50 peratus, apa bezanya? Untuk 100 peratus adalah bagi pasangan yang berkahwin dan boleh dituntut oleh suami atau isteri bagi seorang anak dan tidak boleh tuntutan untuk anak yang sama. “Ruang 50 peratus pula adalah bagi pasangan yang telah bercerai dan boleh tuntutan atas anak yang sama,” katanya dalam temu bual Bernama Radio yang membincangkan Cara Maksimumkan Penjimatan Cukai, semalam. Selain itu, Ili Diyana berkata, pasangan yang bekerja juga disarankan memilih taksiran secara berasingan bagi membolehkan masing-masing mendapat pelepasan diri RM9,000 seorang. Pembayar cukai yang mencarum Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) melibatkan mana-mana produk SSPN Prime dan SSPN Plus juga layak membuat tuntutan berdasarkan jenis taksiran yang dipilih sama ada taksiran berasingan atau taksiran bersama, katanya